



02 DEC, 2022

Pasukan pelajar Swiburne Sarawak naib juara Smart Uni IoT Hackathon Edisi Kebangsaan 2022

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 1 of 2

Pasukan pelajar Swiburne Sarawak naib juara Smart Uni IoT Hackathon Edisi Kebangsaan 2022

KUCHING: Sepasukan pelajar Swinburne University of Technology Kampus Sarawak (Swiburne Sarawak) muncul sebagai naib juara di Smart Uni IoT Hackathon Edisi Kebangsaan 2022 pada 3 September 2022 yang memenangi anugerah 'Non-Zero: An IoT-based Personal Energy Harvesting Ecosystem'.

Smart Uni IoT Hackathon Edisi Kebangsaan 2022 telah dianjurkan oleh Persatuan Internet Digital Malaysia dan disokong oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Malaysia, Minggu Sains Kebangsaan dan CyberSecurity Malaysia untuk mempersembah dan membangunkan penyelesaian IoT di peringkat kebangsaan.

Tematersebut merangkumi bandar pintar, pertanian dan banyak lagi.

Dengan penyertaan mem-



WAKIL SWINBURNE: Swinburne Research Interest Group terdiri daripada (dari kiri) Jake, Paul dan Eiton.

berangsangkan daripada pasukan di seluruh negara dalam pertandingan itu, hanya 25 berjaya mara ke fasa pertama dan hanya 10 teratas disenarai pendek sebagai finalis.

Pasukan Swinburne Sarawak yang dikenali sebagai Swinburne Research Interest Group (SRIG), terdiri dari-

pada Paul Cornelius Bong, Eiton Ng Zie Teng dan Jake Chieng Zen Yan di bawah seliaan Pensyarah Fakulti Kejuruteraan, Pengkomputeran dan Sains Swinburne Sarawak Dr Mark Tee Kit Tsun dan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Projek awal pasukan me-

nyaksikan langkah pertamanya pada 25 Julai, di mana idea itu mula terbentuk.

Dengan harapan dapat menyumbang kepada penghasilan Extravehicular Mobility Unit generasi akan datang, pasukan itu mencadangkan sistem yang akan dapat menuai tenaga daripada aktiviti seharian untuk memanjangkan masa operasi pakaian angkasa lepas - daripada suria kepada gerakan.

"Ini adalah peluang yang menakjubkan untuk membangunkan dan menunjukkan idea kami di pentas kebangsaan.

"Memenangi anugerah itu bermakna kami pasti menuju ke arah yang betul," kata Paul.

Visi 2025 Swinburne adalah untuk membawa manusia dan teknologi bersama-sama untuk membina dunia yang lebih baik, dengan orang ramai didorong oleh tujuan

bersama untuk mencipta teknologi masa depan dan bakat manusia yang diperlukan untuk masa depan digital yang kaya dengan teknologi.

Swinburne juga baru-baru ini menduduki antara 126 hingga 150 universiti terbaik di dunia untuk Sains Komputer dalam kedudukan mata pelajaran Times Higher Education.

Pelajar boleh mengetahui lebih lanjut tentang kursus Pengkomputeran Swinburne Sarawak dengan melayari laman web universiti, menghubungi +6082-415 353, berbual dengan kaunselor pendidikan Swinburne Sarawak melalui WhatsApp di +6019-819 6353 atau menghantare-mel ke study@swinburne.edu.my.

Pelajar juga boleh membuat temu janji untuk kaunseling pendidikan di kampus dari Isnin hingga Jumaat, jam 10 pagi hingga 5 petang.



02 DEC, 2022

Pasukan pelajar Swiburne Sarawak naib juara Smart Uni IoT Hackathon Edisi Kebangsaan 2022

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Sepasukan pelajar Swinburne University of Technology Kampus Sarawak (Swiburne Sarawak) muncul sebagai naib juara di Smart Uni IoT Hackathon Edisi Kebangsaan 2022 pada 3 September 2022 yang memenangi anugerah 'Non-Zero: An IoT-based Personal Energy Harvesting Ecosystem'.